

Pengaruh Influencer Tiktok Dalam Pengajaran Tajwid: Satu Kajian Naratif

[The Influence of TikTok influencers in Teaching Tajwid: A Narrative Review]

Muhammad Shahid Izzudin Mohd Zulkafli¹, Siti Nuroni Mohamed²

¹ (Corresponding Author) Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730 Kota Bharu, Malaysia, e-mail: shahidizzudin1995@gmail.com

² Fakulti Usuluddin dan Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730 Kota Bharu, Malaysia, e-mail: nuroni.mohamed@gmail.com

ABSTRACT

The rapid growth of TikTok as a social media platform has opened new dimensions in the dissemination of religious knowledge, including the teaching of Quranic tajwid. This article examines the role of Muslim influencers on TikTok as a channel for conveying tajwid knowledge, focusing on aspects of character presentation, audience interaction, creativity in content delivery, academic credibility, content consistency, the influence of TikTok's algorithm, and its implications for audience understanding and practice. This study employs a qualitative approach through a narrative review method, with data collected via observation and content analysis of TikTok videos from three selected accounts @aisyahbaain, @gifariputraw and @haniahsalwana chosen based on follower count, engagement rate and content consistency. The findings reveal that Muslim influencers on TikTok play a significant role in shaping public understanding of tajwid through creative, interactive and accessible content delivery. However, several critical challenges were identified, including the risk of disseminating inaccurate information, the constraints of the short-video format, and the platform's algorithm which tends to prioritise engaging content over academically substantive material. The study concludes that while TikTok holds considerable potential as an effective digital da'wah medium, it cannot replace the structured learning process of talaqqi and musyafahah. Integration between digital learning and guidance from qualified teachers is essential to ensure accurate and comprehensive mastery of tajwid knowledge.

Keywords: Influencer; al-Quran; TikTok; Narrative Review; Tajwid

ABSTRAK

Perkembangan pesat platform media sosial TikTok telah membuka dimensi baharu dalam penyebaran ilmu agama, termasuk pengajaran ilmu tajwid al-Quran. Artikel ini bertujuan meneliti peranan pengengaruh Muslim (*influencer*) di platform TikTok sebagai saluran penyampaian ilmu tajwid dengan memfokuskan kepada aspek penampilan karakter, interaksi dengan audien, kreativiti penyampaian, kredibiliti ilmu, konsistensi kandungan, pengaruh algoritma TikTok, serta implikasinya terhadap kefahaman dan amalan audien. Kajian ini menerapkan pendekatan kualitatif melalui kaedah tinjauan naratif, dengan pengumpulan data dilakukan melalui pemerhatian dan analisis kandungan video TikTok bagi tiga akaun terpilih iaitu @aisyahbaain, @gifariputraw dan @haniahsalwana, yang dipilih berdasarkan bilangan pengikut, kadar interaksi dan konsistensi kandungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengengaruh Muslim di TikTok memainkan peranan signifikan dalam membentuk kefahaman masyarakat terhadap ilmu tajwid melalui penyampaian yang kreatif, interaktif dan mudah diakses. Namun demikian, terdapat beberapa cabaran kritikal seperti risiko penyebaran maklumat yang tidak tepat, kekangan format video pendek, serta pengaruh algoritma platform yang cenderung mengutamakan kandungan bersifat *engaging* berbanding kandungan yang mendalam dari sudut keilmuan. Kajian ini menyimpulkan bahawa walaupun TikTok berpotensi sebagai medium dakwah digital yang berkesan, ia tidak mampu menggantikan pengajaran berstruktur secara talaqqi dan *musyafahah*. Integrasi antara pembelajaran digital dan bimbingan guru yang bertauliah adalah perlu bagi memastikan penguasaan ilmu tajwid yang tepat dan menyeluruh.

Kata Kunci: Pengengaruh; al-Quran; TikTok; Tinjauan Naratif; Tajwid

How to Cite:

Received: 12/4/2026

Accepted: 28/6/2026

Published: 29/6/2026

Mohd Zulkafli, M. S. I., & Mohamed, S. N. (2026). *Pengaruh influencer TikTok dalam pengajaran Tajwid: Satu kajian naratif [The influence of TikTok influencers in teaching Tajwid: A narrative review]*. *FURQANICA Journal of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah (JFUQS)*, 2(1), 1-19.

1. Pendahuluan

Dalam era revolusi digital 4.0, transformasi kaedah pembelajaran ilmu agama telah mengalami perubahan paradigma yang signifikan. Media sosial, khususnya TikTok, telah menjadi platform utama untuk penyebaran maklumat termasuk ilmu agama. Dengan lebih daripada satu bilion pengguna aktif di seluruh dunia dan dianggarkan 56.2% pengguna di Malaysia terdiri daripada golongan muda iaitu 35 tahun kebawah (Howe, 2023), TikTok menawarkan peluang unik untuk menjadikan pembelajaran tajwid lebih mudah diakses dan relevan kepada generasi digital. Menurut

kajian oleh Osman dan Izhan (2022), 68% pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia mengikuti kajian agama secara berkala di media sosial, manakala 71% mengikuti pendakwah muda yang aktif di platform digital. Statistik ini menunjukkan bahawa generasi muda kini lebih cenderung untuk mencari ilmu agama melalui medium digital berbanding kaedah konvensional.

Namun, isu kritikal yang timbul ialah adakah pembelajaran tajwid melalui influencer TikTok mampu menggantikan atau sekurang-kurangnya menyokong kaedah pembelajaran tradisional yang telah terbukti berkesan selama berabad. Kajian oleh Azizah et al. (2022) mendapati bahawa terdapat banyak kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam mengaplikasikan ilmu tajwid semasa membaca al-Quran, terutamanya dalam konteks pembelajaran yang tidak diselia oleh guru bertauliah. Justeru, kajian ini penting untuk menilai peranan dan keberkesanan influencer TikTok dalam menyampaikan ilmu tajwid yang tepat dan sahih.

Ilmu tajwid secara terminologi merujuk kepada ilmu yang mengajarkan cara menyebut huruf-huruf al-Quran dengan betul dari segi *makhraj* (tempat keluarnya huruf), sifat (ciri-ciri huruf), hukum bacaan dan aspek-aspek lain yang berkaitan dengan kesempurnaan bacaan al-Quran. Kepentingan ilmu ini ditekankan dalam firman Allah SWT: "Dan bacalah al-Quran itu dengan *tartil* (perlahan-lahan)" (Al-Muzzammil, 73: 4). Menurut Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura (1977), pembelajaran berlaku melalui pemerhatian dan peniruan terhadap model atau role model, yang mana dalam konteks kajian ini, influencer TikTok bertindak sebagai model pembelajaran.

Pempengaruh digital ditakrifkan individu yang mempunyai kuasa untuk mempengaruhi orang lain dalam bidang digital menerusi kuasa, ilmu pengetahuan, kedudukan atau hubungannya dengan pengguna (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021). Istilah ini merujuk kepada individu yang dikenali kerana mempunyai bilangan pengikut yang besar serta kebolehan membentuk pemikiran dan corak tingkah laku masyarakat melalui pelbagai platform digital. Dalam konteks pendidikan Islam, konsep *influencer* ini sebenarnya telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW melalui kaedah talaqqi dan *musyafahah*, di mana ilmu disampaikan secara langsung dari guru kepada murid.

Islam telah lama menonjolkan konsep ini sebagaimana hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, bahawa Baginda SAW bersabda:

"مَنْ دَعَا إِلَى هُدًى كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلُ أُجُورٍ مَنْ تَبِعَهُ، لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْئًا، وَمَنْ دَعَا إِلَى ضَلَالَةٍ كَانَ عَلَيْهِ مِنَ الْإِثْمِ مِثْلُ آثَامٍ مَنْ تَبِعَهُ، لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ آثَامِهِمْ شَيْئًا"

Maksudnya: Barangsiapa yang menyeru (seseorang) kepada hidayah, baginya ganjaran sepertimana ganjaran orang yang mengikutinya tanpa mengurangi sedikit pun daripada ganjaran mereka. Dan barangsiapa yang menyeru (seseorang) kepada kesesatan, baginya dosa sepertimana dosa orang yang mengikutinya tanpa mengurangi sedikit pun dosa mereka.

[*Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith: 2673].

Keperluan dan kepentingan kajian ini adalah amat kritikal dalam konteks semasa. Pertama, kajian ini diperlukan untuk memberikan panduan kepada pendidik agama dan pihak berkuasa agama dalam memanfaatkan platform digital sebagai medium dakwah dan pendidikan Islam yang berkesan. Kedua, ia penting untuk memastikan ilmu tajwid yang disebarkan melalui media sosial adalah tepat dan sahih, mengelakkan daripada berlakunya penyebaran maklumat yang salah atau mengelirukan. Ketiga, kajian ini dapat membantu *influencer* yang ingin berkongsi ilmu tajwid untuk memahami pendekatan terbaik dalam menyampaikan ilmu secara efektif melalui platform digital. Keempat, ia relevan dengan cabaran semasa di mana ramai guru al-Quran dan pendidik Islam menghadapi kesukaran dalam menarik minat generasi muda untuk mempelajari tajwid dengan menggunakan kaedah tradisional (Mohd Nor et al., 2022). Kajian ini juga penting untuk memberi input kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan institusi pendidikan Islam dalam merancang strategi pembelajaran al-Quran yang lebih relevan dengan keperluan generasi digital.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan meneliti peranan pempengaruh digital di platform TikTok sebagai saluran penyampaian ilmu tajwid al-Quran khususnya. Penelitian ini dilakukan dengan menelusuri aspek penampilan dan ciri pempengaruh yang memanfaatkan TikTok dalam menyampaikan mesej tajwid al-Quran, tahap interaksi serta penglibatan antara pempengaruh dan pengikut, di samping elemen kreativiti dalam kaedah penyampaian. Artikel ini turut memfokuskan kepada tiga akaun TikTok terpilih yang berperanan aktif dalam penyebaran ilmu tajwid al-Quran. Selain itu, kajian ini juga meneliti cabaran serta peluang yang dihadapi oleh pempengaruh dalam menyebarkan ilmu Islam melalui platform TikTok.

Dengan memahami peranan pempengaruh digital di TikTok dalam konteks penyebaran tajwid al-Quran, artikel ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang potensi

platform tersebut sebagai medium yang berkesan dalam mendidik serta membentuk pemikiran masyarakat, khususnya generasi muda, ke arah penghayatan ajaran Islam.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini menerapkan pendekatan kualitatif melalui kaedah tinjauan naratif bagi mengkaji peranan pengengaruh digital di platform TikTok dalam penyebaran ilmu tajwid al-Quran. Tinjauan naratif merupakan salah satu kaedah penyelidikan kualitatif yang digunakan untuk menilai serta mensintesis maklumat daripada pelbagai sumber melalui bentuk penghuraian secara naratif. Pendekatan ini bertujuan menyediakan gambaran yang menyeluruh tentang sesuatu fenomena berdasarkan analisis yang bersifat deskriptif dan bertema (Roy & Mark, 1997). Kaedah ini lazim digunakan dalam kajian sains sosial untuk menelusuri perkembangan sesuatu isu, mengenal pasti pola tertentu serta memahami konteks penyebaran maklumat dalam kalangan masyarakat. Dalam bidang penyelidikan media digital pula, tinjauan naratif berfungsi sebagai alat untuk meneliti cara kandungan dihasilkan, diterima dan memberi impak terhadap khalayak (Greenhalgh et al., 2018).

Pengumpulan data dilaksanakan melalui kaedah pemerhatian serta analisis terhadap kandungan video TikTok yang memaparkan mesej berkaitan ilmu tajwid al-Quran. Pemilihan sampel dilakukan secara pensampelan bertujuan dengan melibatkan pengengaruh digital yang mempunyai bilangan pengikut yang besar, tahap interaksi yang tinggi serta konsisten dalam menghasilkan kandungan berunsur ilmu tajwid khususnya dan ilmu al-Quran umumnya. Di samping itu, kajian ini turut menggunakan sumber sekunder seperti artikel jurnal, buku dan laporan penyelidikan yang membincangkan peranan media sosial dalam konteks dakwah digital.

Proses analisis data dijalankan menggunakan pendekatan tematik, iaitu dengan mengenal pasti pola dan tema utama dalam penyampaian mesej Islam melalui platform TikTok. Analisis ini menumpukan kepada aspek strategi dakwah, jenis kandungan video, kaedah penyampaian serta respons pengguna terhadap kandungan yang disajikan. Melalui pendekatan metodologi ini, kajian dapat menjelaskan secara lebih terperinci tahap keberkesanan pengengaruh digital dalam menyampaikan ajaran al-Quran dan hadis, di samping mengenal pasti cabaran yang wujud dalam pelaksanaan dakwah digital dalam landskap media sosial semasa.

3. Dapatan Dan Perbincangan

3.1 *Peranan Pempengaruh Muslim di TikTok*

Dalam konteks dapatan kajian ini, pempengaruh Muslim di platform TikTok didapati memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk corak penerimaan dan kefahaman masyarakat terhadap ilmu tajwid. Peranan ini tidak hanya terbatas kepada penyampaian maklumat, bahkan melibatkan aspek pembinaan kepercayaan, interaksi sosial serta inovasi dalam kaedah penyampaian. Berdasarkan analisis kandungan dan pemerhatian naratif, terdapat lima dimensi utama yang menonjol iaitu penampilan karakter, interaksi dengan audien, kreativiti dalam penyampaian, kredibiliti dan autoriti ilmu, konsistensi dan kekerapan kandungan.

i. Penampilan Karakter

Dapatan menunjukkan bahawa penampilan karakter pempengaruh Muslim memainkan peranan penting dalam menarik minat audien terhadap kandungan tajwid. Karakter yang ditonjolkan lazimnya merangkumi imej berautoriti seperti guru agama, ustaz atau individu yang dilihat mempunyai kredibiliti dalam bidang al-Quran. Aziz dan Makhsin (2021) menyatakan bahawa elemen seperti pemakaian sopan, penggunaan istilah agama, serta gaya pertuturan yang tenang dan jelas membantu membina persepsi keilmuan dalam kalangan penonton.

Selain itu, terdapat juga pempengaruh yang menampilkan karakter lebih santai dan mesra, selari dengan budaya media sosial yang tidak formal. Pendekatan ini didapati lebih dekat dengan golongan muda kerana ia mengurangkan jurang antara penyampai dan penerima ilmu. Namun, dapatan juga menunjukkan bahawa keseimbangan antara elemen santai dan autoriti adalah kritikal. Karakter yang terlalu santai berpotensi menjejaskan persepsi terhadap ketepatan dan keseriusan ilmu tajwid, manakala karakter yang terlalu formal pula mungkin mengurangkan tahap keterlibatan audien (Gaspersz et al., 2024).

Sehubungan itu, penampilan karakter bukan sekadar aspek luaran, tetapi merupakan strategi komunikasi yang memberi kesan langsung terhadap keberkesanan penyampaian ilmu tajwid di TikTok.

ii. Interaksi Dengan Audien

Interaksi antara pempengaruh dan audien merupakan satu lagi dapatan penting dalam kajian ini. TikTok sebagai platform media sosial membolehkan komunikasi dua hala melalui ruangan komen, siaran langsung

(live), serta respon video (*reply content*). Keadaan ini menjadikan proses pembelajaran tajwid lebih bersifat interaktif berbanding kaedah tradisional yang cenderung sehala (Yang et al., 2025).

Dapatan menunjukkan bahawa pempengaruh yang aktif berinteraksi dengan audien seperti menjawab soalan, memberi maklum balas terhadap bacaan, serta menghasilkan kandungan berdasarkan permintaan pengguna mempunyai kadar keterlibatan (*engagement*) yang lebih tinggi. Interaksi ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman audien, malah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih responsif dan inklusif (Mustofa et al., 2024; Azman et al., 2024).

Walau bagaimanapun, terdapat juga cabaran dari sudut kawalan kualiti interaksi. Tidak semua soalan atau respon dapat ditangani secara mendalam disebabkan kekangan masa dan format platform yang ringkas. Ini boleh menyebabkan penjelasan tajwid menjadi terlalu umum atau tidak menyeluruh, sekali gus membuka ruang kepada salah faham dalam kalangan audien.

Oleh itu, interaksi di TikTok dilihat sebagai satu kelebihan dalam meningkatkan akses kepada ilmu tajwid, namun memerlukan pengurusan yang teliti bagi memastikan ketepatan dan keberkesanan penyampaian.

iii. Kreativiti dalam Penyampaian

Kreativiti merupakan elemen yang paling menonjol dalam dapatan kajian berkaitan pempengaruh TikTok. Kandungan tajwid yang disampaikan tidak lagi terikat kepada pendekatan konvensional, sebaliknya diolah dalam bentuk yang lebih menarik seperti penggunaan visual teks, animasi ringkas, perbandingan bunyi, serta demonstrasi praktikal yang mudah difahami (Ghozali, 2022).

Sebagai contoh, hukum tajwid seperti idgham, *ikhfa'* dan iqlab sering disampaikan melalui teknik visualisasi dan pengulangan bunyi yang memudahkan audien mengenal pasti perbezaan sebutan. Pendekatan ini sejajar dengan gaya pembelajaran moden yang menekankan elemen audio-visual serta pembelajaran mikro (*microlearning*).

Namun demikian, dapatan juga menunjukkan bahawa tahap kreativiti yang tinggi kadangkala membawa kepada penyederhanaan yang berlebihan terhadap konsep tajwid (Ghozali, 2022). Dalam usaha menjadikan kandungan lebih ringkas dan menarik, terdapat risiko pengabaian aspek teori yang penting seperti kaedah asal atau pengecualian hukum. Hal ini boleh menyebabkan kefahaman audien menjadi tidak lengkap.

Justeru, kreativiti dalam penyampaian perlu diseimbangkan dengan ketepatan ilmu agar tidak menjejaskan integriti pengajaran tajwid itu sendiri.

iv. Kredibiliti dan Autoriti Ilmu

Selain aspek penampilan luaran, dapatan kajian turut menonjolkan kepentingan kredibiliti dan autoriti ilmu dalam kalangan pempengaruh Muslim di TikTok, bukan sekadar bergantung kepada populariti sahaja (Gaspersz et al., 2024). Kredibiliti ini merujuk kepada tahap kelayakan, latar belakang pendidikan agama, serta pengalaman dalam bidang tajwid yang dimiliki oleh pempengaruh tersebut. Dalam konteks pengajaran al-Quran, elemen ini sangat kritikal kerana ilmu tajwid bersifat *tawqifi* dan memerlukan ketepatan dalam penyampaian.

Dapatan menunjukkan bahawa audien cenderung memberikan kepercayaan yang lebih tinggi kepada pempengaruh yang secara jelas memaparkan latar belakang keilmuan mereka, seperti pernah berguru di institusi tahfiz, memiliki sanad bacaan, atau mempunyai pengalaman mengajar. Kejelasan ini membantu membina keyakinan audien terhadap kandungan yang disampaikan, seterusnya meningkatkan keberkesanan pembelajaran (Zuhari et al., 2024).

Namun demikian, terdapat juga pempengaruh yang tidak menyatakan kelayakan secara jelas tetapi tetap mendapat perhatian tinggi disebabkan gaya penyampaian yang menarik. Fenomena ini menimbulkan isu apabila populariti dijadikan ukuran utama, mengatasi aspek kesahihan ilmu. Dalam jangka panjang, keadaan ini berpotensi mengaburkan garis pemisah antara penyampai ilmu yang berautoriti dan individu yang sekadar berkongsi maklumat secara umum. Oleh itu, dapatan ini menegaskan bahawa kredibiliti bukan sahaja mempengaruhi penerimaan audien, bahkan menjadi asas penting dalam memastikan ketulenan dan ketepatan pengajaran tajwid di platform digital.

v. Konsistensi dan Kekerapan Kandungan

Satu lagi dapatan penting ialah peranan konsistensi dan kekerapan penghasilan kandungan dalam mempengaruhi keberkesanan penyampaian ilmu tajwid di TikTok. Pempengaruh yang menghasilkan kandungan secara konsisten sama ada dalam bentuk siri pembelajaran, tema tertentu, atau jadual penerbitan yang teratur didapati lebih berjaya membina hubungan berterusan dengan audien (Nasruddin et al., 2025).

Konsistensi ini membantu audien mengikuti pembelajaran secara berperingkat, sekali gus menyokong konsep *microlearning* yang menjadi ciri utama platform TikTok. Sebagai contoh, penyampaian hukum tajwid secara bersiri (seperti satu hukum bagi setiap video) membolehkan audien memahami konsep secara lebih fokus dan tidak terbeban dengan maklumat yang terlalu banyak dalam satu masa.

Selain itu, kekerapan kandungan juga memainkan peranan dalam memastikan ilmu yang disampaikan sentiasa diingati dan diamalkan. Pendekatan berulang terhadap konsep yang sama melalui variasi contoh dan pendekatan membantu mengukuhkan kefahaman audien, sejajar dengan prinsip pengulangan dalam pembelajaran al-Quran.

Walau bagaimanapun, dapatan juga menunjukkan bahawa tekanan untuk menghasilkan kandungan secara kerap boleh menjejaskan kualiti penyampaian. Dalam usaha mengekalkan kehadiran di platform, terdapat risiko kandungan dihasilkan secara tergesa-gesa tanpa semakan yang teliti, sekali gus membuka ruang kepada kesilapan dalam penyampaian hukum tajwid.

Sehubungan itu, keseimbangan antara konsistensi dan kualiti kandungan adalah penting bagi memastikan pengaruh pempengaruh TikTok benar-benar memberi impak positif terhadap pengajaran tajwid.

3.2 Tumpuan Akaun TikTok Terpilih

i. Ustazah Aisyah Baain

Ustazah Aisyah Baain merupakan seorang tokoh pendidik al-Quran yang aktif mengendalikan pelbagai sesi pengajian tajwid secara dalam talian, merangkumi program pengajian berbayar mahupun sesi bimbingan percuma. Inisiatif penyampaian ilmu beliau bersifat inklusif dan direkayasa agar sesuai untuk diikuti oleh semua peringkat umur dan latar belakang pendidikan. Meskipun pada fasa awal penglibatan beliau lebih dominan di platform Facebook, kini fokus penyebaran ilmu tersebut telah beralih secara signifikan ke platform TikTok sebagai medium utama. Peralihan ini memperlihatkan kesediaan beliau dalam mengadaptasi teknologi terkini bagi memastikan kelestarian penyampaian ilmu agama dalam mendepani arus pemodenan digital yang pesat.

Penyampaian kandungan pendidikan beliau banyak memfokuskan kepada penghasilan video berdurasi pendek yang mengetengahkan perbincangan ilmu tajwid secara khusus serta disiplin ilmu al-Quran secara umum. Pendekatan pedagogi yang bersifat interaktif, menarik, dan dipermudahkan (*simplified*) ini telah berjaya meraih perhatian massa sekali gus memperkasakan pemahaman audiens terhadap hukum hakam tajwid dengan lebih mendalam. Keupayaan beliau dalam menterjemahkan konsep ilmu yang kompleks kepada bentuk penyampaian yang santai namun berkesan menjadi faktor utama keberhasilan beliau dalam mendekati masyarakat. Hal ini membuktikan bahawa metodologi pengajaran yang

kreatif mampu meningkatkan tahap literasi al-Quran dalam kalangan pengguna media sosial.

Menerusi identiti digital @aisyahbaain, beliau kini dianggap sebagai salah seorang pengengaruh pendidikan (*edufluencer*) yang memberikan impak besar terhadap lanskap pengajian tajwid di Malaysia. Setakat Februari 2026, akaun TikTok beliau telah merekodkan pencapaian yang luar biasa dengan mengumpul seramai 2.2 juta pengikut serta memperoleh interaksi sebanyak 28.8 juta tanda suka (Aisyah Baain, 2026). Statistik yang signifikan ini bukan sekadar angka, malah ia mencerminkan keberkesanan platform TikTok sebagai medium yang berimpak tinggi dalam menarik minat serta mengekalkan tumpuan audiens terhadap kandungan berbentuk keagamaan. Fenomena ini seterusnya menggambarkan daya tarikan profil beliau yang efektif dalam mendidik audiens di ruang siber. Berikut adalah tangkap layar profil akaun TikTok beliau.

Gambar 1 : Profil Akaun TikTok Ustazah Aisyah Baain




(Sumber: Muhammad Shahid, 2026)

Menerusi kepelbagaian video instruksional dan sesi siaran langsung yang konsisten, Ustazah Aisyah secara sistematik menetengahkan perbincangan mendalam mengenai seni kelestarian bacaan al-Quran yang merangkumi disiplin ilmu tajwid dan tarannum. Keberkesanan pedagogi beliau didorong oleh penggunaan teknik pengajaran secara perbandingan, di mana beliau menzahirkan perbezaan yang jelas antara hukum bacaan yang salah dengan kaedah sebutan yang sebenar bagi memudahkan proses kognitif audiens dalam memahami isi kandungan secara lebih efektif.

Pendekatan tunjuk cara (*demonstration method*) yang bersifat interaktif dan praktikal ini bukan sahaja merapatkan jurang antara teori yang kompleks dengan aplikasi bacaan harian, malah ia terbukti berjaya memperkasakan kualiti bacaan masyarakat di ruang digital. Sebagai ilustrasi kepada kepelbagaian modul dan tajuk perbincangan yang telah dihasilkan, sebahagian daripada koleksi video tersebut dapat diperhatikan menerusi paparan visual dalam Gambar 2 di bawah.

Gambar 2 : Sebahagian Koleksi Video Akaun TikTok Ustazah Aisyah Baain




(Sumber: Muhammad Shahid, 2026)

ii. Gifari Seru Hijaiyah

Ustaz Gifari Putraw merupakan seorang pengengaruh digital dari Indonesia yang secara progresif mengendalikan program pengajian al-Quran melalui platform TikTok. Beliau memanfaatkan pendekatan pedagogi yang bersifat visual dan interaktif bagi menarik minat masyarakat global, khususnya dalam

mendekatkan golongan dewasa terhadap penghayatan al-Quran secara konsisten. Strategi penyampaian ilmu beliau yang diolah dalam bentuk video instruksional berdurasi pendek bukan sahaja memudahkan proses pemahaman, malah ia turut berfungsi sebagai medium dakwah digital yang efektif dalam mendepani cabaran literasi al-Quran pada masa kini. Keupayaan beliau dalam mengadaptasi teknologi media sosial ini membuktikan bahawa kandungan keagamaan mampu bersaing secara sihat dalam ekosistem pendidikan alaf baharu.

Gambar 3 : Profil Akaun TikTok Gifari Putraw



(Sumber: Muhammad Shahid, 2026)

Menerusi identiti digital @gifariputraw, beliau telah berjaya membina komuniti pembelajaran yang signifikan dengan rekod seramai 881,400 pengikut serta memperoleh interaksi sebanyak 715,500 tanda suka setakat ini. Statistik capaian yang tinggi ini mencerminkan keberkesanan kandungan beliau dalam memenuhi keperluan audiens yang mendahagakan bimbingan agama secara santai namun tetap mengekalkan kualiti pengisian yang berimpak tinggi. Fenomena ini juga menggambarkan daya tarikan profil beliau sebagai antara rujukan utama dalam bidang pengajian al-Quran secara maya di rantau ini. Sebagai ilustrasi kepada kepelbagaian modul dan tajuk perbincangan yang telah dihasilkan oleh beliau, sebahagian daripada koleksi video tersebut dapat diperhatikan menerusi paparan visual dalam rajah yang berikut.

Gambar 4 : Sebagian Koleksi Video Akaun TikTok Gifari Putraw



(Sumber: Muhammad Shahid, 2026)

Dalam koleksi kandungan digitalnya, Ustaz Gifari secara konsisten memberikan penekanan terhadap perbahasan ilmu makhraj dan sifat huruf, iaitu komponen fundamental yang sangat kritikal bagi individu yang berada di peringkat asas pembelajaran al-Quran. Beliau mengaplikasikan pendekatan penyampaian yang bersifat ringkas dan pragmatik bagi memastikan konteks pembelajaran dapat dihadap oleh audiens tanpa beban kognitif yang berat. Menariknya, walaupun kandungan tersebut disampaikan dalam bahasa Indonesia, ia tidak menjadi halangan linguistik bagi audiens di Malaysia untuk mengikuti sesi pembelajaran tersebut secara aktif. Fenomena ini dibuktikan menerusi keterlibatan signifikan rakyat Malaysia dalam ruangan komentar, sekali gus menunjukkan wujudnya ketersambungan budaya dan kefahaman rentas sempadan dalam penyebaran ilmu agama di rantau Nusantara.

Bagi memperkasakan keberkesanan pengajaran, beliau turut mengintegrasikan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) berasaskan visual yang direka khusus untuk mempermudah pemahaman topik-topik teknikal. Sebagai contoh, dalam menghuraikan kompleksiti makhraj huruf, beliau memanfaatkan ilustrasi anatomi mulut bagi mendemonstrasikan posisi lidah dan artikulasi bunyi secara tepat. Integrasi elemen visual dan grafik ini bukan sahaja meningkatkan tahap kejelasan penyampaian, malah berjaya mentransformasikan topik makhraj dan sifat huruf yang lazimnya dianggap

sukar kepada bentuk yang lebih aksesibel. Secara tuntasnya, inovasi metodologi yang menggabungkan demonstrasi grafik dengan penjelasan yang sederhana ini telah meletakkan beliau sebagai pendidik digital yang efektif dalam meningkatkan literasi al-Quran dalam kalangan masyarakat awam.

iii. Haniah Salwana

Ustazah Dr. Haniah Salwana merupakan antara pempengaruh Muslim dari Malaysia yang aktif memanfaatkan platform TikTok sebagai medium pengajaran ilmu al-Quran, khususnya dalam bidang tajwid. Penglibatan beliau dalam media sosial memperlihatkan satu bentuk transformasi dalam pendekatan dakwah dan pendidikan Islam, yang tidak lagi terhad kepada ruang fizikal semata-mata. Melalui kandungan video yang dihasilkan, beliau berupaya menyampaikan ilmu tajwid secara lebih terbuka dan mudah diakses oleh pelbagai lapisan masyarakat, sejajar dengan perkembangan teknologi komunikasi masa kini.


Gambar 5: Profil Akaun Haniah Salwana



(Sumber: Muhammad Shahid, 2026)

Dari sudut capaian, beliau telah berjaya membina komuniti pembelajaran yang signifikan dengan jumlah pengikut seramai 759,200 serta memperoleh sebanyak 6,600,000 tanda suka. Statistik ini mencerminkan tahap keterlibatan audien yang tinggi dan menunjukkan bahawa kandungan yang dihasilkan memenuhi keperluan masyarakat yang semakin cenderung kepada pembelajaran digital. Secara tidak langsung, pencapaian ini mengukuhkan peranan pempengaruh sebagai agen penyebaran ilmu yang berkesan, khususnya dalam bidang tajwid, di samping menunjukkan potensi besar platform TikTok sebagai medium alternatif dalam pendidikan al-Quran.

Gambar 6: Sebahagian Koleksi Video Akaun Haniah Salwana



(Sumber: Muhammad Shahid, 2026)

Salah satu kelebihan utama yang menonjol ialah keupayaan beliau berinteraksi dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Keupayaan multilingual ini bukan sahaja memperluaskan jangkauan audiens, bahkan meningkatkan keberkesanan penyampaian kerana kandungan dapat disesuaikan dengan latar belakang bahasa dan tahap kefahaman pengguna yang berbeza. Dalam konteks pengajaran tajwid, penggunaan Bahasa Arab memberi nilai tambah dari sudut ketepatan istilah, manakala Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris berperanan sebagai medium penjelasan yang memudahkan pemahaman konsep dalam kalangan audien yang pelbagai.

3.3 Cabaran dan Peluang

i. Cabaran

Pengajaran al-Quran di TikTok ini sangat banyak cabarannya dan ianya perlu dihadapi dan ditangani oleh pengengaruh. Salah satu cabaran paling utama adalah risiko penyebaran info dan maklumat yang salah. Oleh kerana di TikTok ini membolehkan sesiapa sahaja untuk menghasilkan video dan berkongsi kandungan, besar kemungkinan maklumat yang dihasilkan itu tidak sahih dan tidak tepat, yang akan mengelirukan pengguna. Lebih-lebih lagi generasi muda yang tidak mempunyai asas dan latar belakang dalam bidang agama (Ghozali, 2022). Oleh itu, menjadi tanggungjawab pengengaruh untuk memastikan kandungan yang dihasilkan itu diambil dari sumber yang sahih dan boleh dipercayai.

Platform media sosial merupakan ruang terbuka yang menyediakan akses tanpa sekatan kepada semua pengguna, sekaligus mengizinkan individu memberi maklum balas termasuk kritikan secara bebas. Dalam konteks aplikasi TikTok, mekanisme ini sering mempermudah kemunculan

komen yang bersifat personal dan komen tidak membina apabila pengguna terdedah kepada kandungan yang mereka persetujui. Fenomena sebegini bukan sahaja mencerminkan kurangnya kawalan terhadap interaksi sosial digital, tetapi juga berpotensi menimbulkan tekanan psikologi kepada pencipta kandungan. Dalam hal ini, kritikan negatif yang berterusan boleh mengurangkan motivasi dan komitmen pempengaruh dalam menyampaikan ilmu termasuk ilmu al-Quran melalui platform TikTok ini. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa maklum balas negatif dalam talian boleh mempengaruhi tingkah laku pengguna dan menjejaskan kualiti sumbangan mereka dalam sesebuah komuniti dalam talian, manakala sesetengah pengguna cenderung mengalami kesan psikososial akibat interaksi digital yang bermusuhan (Hamizi, 2023).

Di samping itu, kekangan struktur kandungan berbentuk video pendek turut menjadi hambatan signifikan dalam penyampaian ilmu Islam melalui platform digital. Perbincangan berkaitan ayat-ayat al-Quran dan hadis lazimnya memerlukan penghuraian yang komprehensif meliputi aspek konteks penurunan (*asbāb al-nuzūl*), makna linguistik, dimensi hukum, serta implikasi praktikal dalam kehidupan semasa. Walau bagaimanapun, had durasi yang dikenakan bagi setiap kandungan video menyebabkan pempengaruh terpaksa merumuskan penerangan secara padat dan terhad. Keadaan ini berpotensi mengurangkan ketelitian analisis serta menghilangkan nuansa tafsir yang penting dalam memahami teks agama secara holistik (Muzakky et al., 2022).

Akhir sekali, dalam persekitaran media sosial yang semakin kompetitif, pempengaruh yang menyampaikan kandungan berkaitan tafsir al-Quran dan hadis turut berdepan dengan cabaran besar untuk menarik perhatian penonton. Hal ini berlaku kerana pengguna media sosial mempunyai pelbagai pilihan kandungan hiburan dan maklumat lain yang sentiasa bersaing untuk mendapatkan perhatian mereka. Oleh itu, pempengaruh perlu berusaha menghasilkan kandungan yang lebih menarik, relevan dan sesuai dengan keperluan semasa audiens (Abdul Manan et al., 2023). Keadaan ini menuntut tahap kreativiti dan inovasi yang tinggi dalam kaedah penyampaian agar mesej yang disampaikan bukan sahaja mampu menarik minat penonton, tetapi juga memberi kesan dan kefahaman yang bermakna kepada mereka.

ii. Peluang

Platform TikTok membolehkan pempengaruh menyebarkan kandungan dakwah dan ilmu Islam kepada kumpulan pengguna yang sangat besar dan pelbagai tanpa batasan geografi. Kajian menunjukkan bahawa TikTok bukan sahaja diterima sebagai medium hiburan tetapi juga sebagai platform

pembelajaran dan dakwah yang diterima ramai, di mana pengguna menggunakan aplikasi tersebut untuk mendapatkan maklumat tentang agama dan pembelajaran secara umum. Penyebaran ini amat penting terutamanya kepada generasi muda yang mungkin kurang terdedah kepada kuliah atau pengajian tradisional.

Format video pendek memberi pempengaruh peluang untuk menghasilkan penyampaian ilmu Islam yang lebih dinamik, visual, dan mudah difahami berbanding teks atau ceramah tradisional. Ciri-ciri seperti muzik latar, teks sarikata, serta elemen grafik boleh membantu mesej dakwah menjadi lebih menarik dan mesra pengguna. Seni penyampaian seperti ini relevan terutama kepada generasi Z yang gemar kandungan interaktif dan kreatif. Selain itu, interaksi melalui komen dan sesi langsung membolehkan perbincangan dua hala antara pempengaruh dan penonton.

Dengan konsistensi kandungan yang berkualiti dan berpandukan sumber sahih, pempengaruh berpotensi membina komuniti digital yang aktif dan berdaya saing dalam mempelajari al-Quran dan ilmu hadis. Komuniti sebegini bukan sekadar menjadi audiens pasif tetapi boleh menjadi ruang perkongsian pengetahuan, sokongan pembelajaran, dan hubungan sosial yang positif menerusi interaksi dalam talian. Penyebaran ilmu yang bersifat komuniti ini seiring dengan peranan media sosial sebagai medium pendidikan dan dakwah yang semakin penting masa kini.

4. Kesimpulan

Sebagai rumusan, pempengaruh TikTok yang menyampaikan ilmu al-Quran berhadapan dengan pelbagai cabaran yang kompleks, termasuk tekanan komen negatif, keterbatasan format video pendek serta persaingan sengit dalam ekosistem media sosial yang berasaskan ekonomi perhatian. Faktor-faktor ini bukan sahaja memberi kesan terhadap ketepatan penyampaian ilmu, malah turut mempengaruhi motivasi dan kestabilan emosi penyampai. Dalam konteks ilmu tajwid yang menuntut ketelitian, kekangan teknikal serta dinamika interaksi digital boleh mewujudkan risiko penyederhanaan melampau dan salah faham terhadap ajaran Islam sekiranya tidak diurus secara berhati-hati.

Walau bagaimanapun, cabaran tersebut tidak menafikan wujudnya peluang yang signifikan. TikTok menyediakan ruang dakwah yang luas, akses kepada generasi muda, serta potensi pembentukan komuniti pembelajaran digital yang aktif dan responsif. Dengan strategi kandungan yang berautoriti, kreatif dan berpaksikan disiplin ilmu yang sahih, pempengaruh berupaya memanfaatkan platform ini sebagai medium penyebaran al-Quran yang efektif dalam era digital. Justeru, keseimbangan antara integriti ilmiah dan kebijaksanaan media menjadi kunci utama dalam

memastikan penyampaian ilmu al-Quran melalui TikTok terus relevan, berkesan dan memberi impak positif kepada masyarakat.

Rujukan

- Abdul Manan, M. (2023). Efektivitas penggunaan aplikasi TikTok sebagai media pembelajaran makharijul huruf. *Jurnal Pendidikan Islam*, 11(1), 89–104.
- Aziz, M. F., & Makhsin, M. (2021). Pengaruh media sosial terhadap penampilan akhlak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(42), 74–82. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.642007>
- Azizah, R., M. I., & Guslianto, G. (2022). Problems of the Quran learning process during the Covid-19 pandemic. *Ahlussunnah: Journal of Islamic Education*, 1(2), 59–66.
- DataReportal. (2023, February 13). *Digital 2023: Malaysia*. <https://datareportal.com/reports/digital-2023-malaysia>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2021, Januari 19). Pempengaruh digital. *JendelaDBP*. <https://jendeladbp.my/peka-bahasa/pempengaruh-digital/>
- Gaspersz, R., Pelamonia, M., Izaak, D., & Yoris, J. (2024). Peran influencer media sosial dalam membentuk opini publik: Systematic literature review pada studi kasus di Indonesia. *Jurnal BADATI Ilmu Sosial & Humaniora*, 6(2), 253–266.
- Ghozali, M., & Azizah, N. (2022). Strategi pembelajaran tajwid di era digital: Analisis penggunaan media sosial TikTok. *Jurnal Pendidikan Islam*, 10(2), 145–160.
- Gifari Seru Hijaiyah [@gifariputraw]. (2026). *Maklumat akaun*. TikTok. <https://www.tiktok.com/@gifariputraw>
- Hamizi, M. H. (2022). *Penggunaan aplikasi TikTok sebagai medium dakwah: Analisis terhadap persepsi pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)* [Tesis Sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haniah Salwana [@haniahsalwana]. (2026). *Maklumat akaun*. TikTok. <https://www.tiktok.com/@haniahsalwana>
- Mustofa, M., Zainal Abidin, M. R., & Wahida, N. (2024). Pengaruh influencer media sosial TikTok terhadap proses pembelajaran netizen di Malaysia. *Sosioglobal: Jurnal Pemikiran dan Penelitian Sosiologi*, 8(2), 1–15.
- Muzakki, A. (2022). Inovasi media pembelajaran pendidikan agama Islam melalui aplikasi TikTok. *Jurnal Pendidikan Islam*, 10(1), 123–138.
- Nasruddin, N., Abdul Aziz, A., & Hanim Ismail, H. (2025). An exploration of TikTok videos' engaging features among the Malaysian secondary school teachers in the ESL classroom. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(2), 1–12.
- Osman, M. F., & Izhan, M. N. (2022). Pengaruh media sosial terhadap pembelajaran agama dalam kalangan mahasiswa: Satu kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2), 45–62.
- Ustazah Aisyah Baain [@aisyahbaain]. (2026). *Maklumat akaun*. TikTok. <https://www.tiktok.com/@aisyahbaain>
- Yang, Y., Zhang, C., Zhang, S., & Shen, J. (2025). TikTok in higher education: A systematic review of disciplinary applications, learning outcomes, and implementation factors. *Interactive Learning Environments*. <https://doi.org/10.1080/10494820.2025.2564736>
- Zakaria, H. B., Awang @ Husain, M. H., Mohd Shafie, B. H., Talib, N. H. F., & Kassim, N. (2010). Isu dan cabaran guru dalam pendidikan Al-Quran pelajar bermasalah penglihatan. Dalam *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher*

Education; Join Conference UPI & UPSI (hlm. 231–252). Universitas Pendidikan Indonesia.

Zuhari, A. S., Misruddin, N. N., Aman, N. A. N., Rohimi, N. I. A., Abdul Rahman, S. A., & Sharif, D. (2024). Peranan kredibiliti pempengaruh dalam memperkasakan pemasaran digital era moden: Satu kajian dalam kalangan pelajar UiTM. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding*, 7(1).